

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JULAI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 30

PMKS sumbang RM580.4 bilion kepada KDNK

PMKS sumbang RM580.4 bilion kepada KDNK

Sektor perkhidmatan dan pembuatan antara penyumbang utama kepada ekonomi negara

KUALA LUMPUR

Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Malaysia mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 11.6 peratus pada 2022 mengatasi pertumbuhan KDNK negara pada 8.7 peratus, kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawalan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, lonjakan ini menunjukkan kepentingan PMKS semakin meningkat dalam memacu perkembangan ekonomi.

"Sumbangan PMKS kepada KDNK juga meningkat kepada 38.4 peratus berbanding 37.4 peratus pada 2021, manakala nilai ditambah berjumlah RM580.4 bilion, menandakan peningkatan yang ketara daripada RM520.0 bilion pada tahun 2021," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Mohd Uzir berkata, sektor perkhidmatan dan pembuatan mengekalkan kedudukan sebagai penyumbang utama, merangkumi sumbangan sebanyak 84.6 peratus kepada KDNK PMKS.

"Tambahan pula, KDNK PMKS meningkat kepada RM670.1 bilion dari segi nominal berbanding RM575.5 bilion yang dilaporkan pada tahun 2021, dengan prestasi PMKS pada 2022 melepas parás sebelum pandemik pada 2019," katanya.

Menurutnya, eksport PMKS bernilai



MOHD UZIR

RM144.5 bilion pada 2022, berkembang 16.3 peratus berbanding 5.4 peratus pada tahun sebelumnya, dipacu oleh sektor pembuatan dengan 19.5 peratus serta sektor perkhidmatan yang memulihkan kepada 5.7 peratus.

"Bagaimanapun, sektor pertanian merekodkan pertumbuhan lebih perlahan pada 6.2 peratus berbanding 20.4 peratus pada tahun 2021," katanya sambil menambah eksport PMKS merangkumi 10.5 peratus kepada jumlah keseluruhan eksport pada 2022, terdiri daripada sektor pembuatan (8.3 peratus) perkhidmatan (2.0 peratus) dan pertanian (0.2 peratus).

Mengenai situasi guna tenaga PMKS, Mohd Uzir berkata, sumbangan kepada guna tenaga Malaysia adalah sebanyak 48.2 peratus pada 2022, meningkat 0.4 peratus daripada 47.8 peratus pada

TUKARAN ASING		
MATA WANG	BELIAN	JUALAN
1 DOLAR AS*	4.518	4.525
1 EURO	5.0317	5.0413
1 DOLAR SINGAPURA	3.4163	3.4218
1 POUND UK	5.8698	5.8793
100 RIAL SAUDI	120.4382	120.6377
100 RUPIAH INDO	0.0301	0.0302

tahun sebelumnya.

"Pada tempoh yang sama, bilangan guna tenaga PMKS terus merekodkan peningkatan dengan pertumbuhan tahun ke tahun yang lebih besar iaitu 3.8 peratus, mencatatkan sejumlah 7.59 juta orang," katanya.

Mengikut aktiviti ekonomi, guna tenaga PMKS meningkat bagi kesemua sektor kecuali sektor pertanian yang merangkumi sebanyak 0.4 peratus, merangkumi 788,000 orang atau 42.3 peratus daripada keseluruhan guna tenaga sektor pertanian.

Sementara itu, Jabatan Perangkaan berkata, produktiviti buruh PMKS yang diukur sebagai nilai ditambah bagi setiap pekerja meningkat 7.5 peratus pada 2022 berbanding 0.5 peratus pada tahun sebelumnya, merekodkan nilai produktiviti sebanyak RM76,433 setiap pekerja, melepas nilai semasa sebelum pandemik pada 2019 iaitu RM75,625 setiap pekerja.
- Bernama